



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

MAJLIS APRESIASI
JABATAN PERDANA MENTERI 2024

26 JUN 2024

PICC PUTRAJAYA

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والصلوة

والسلام على سيدنا محمد أشرف

المسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi ini bagi meraikan Majlis Apresiasi Jabatan Perdana Menteri Bagi Tahun 2024.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada 881 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 dan 5 orang penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2021, 2022 dan 2023.
3. Saya berharap agar penghargaan yang diberikan ini bukanlah menjadi titik noktah dalam perkhidmatan anda sebaliknya menjadi pemangkin untuk terus kekal konsisten memberikan yang terbaik kepada perkhidmatan awam.

4. Kecemerlangan ini juga boleh menjadi penanda aras kepada seluruh warga Jabatan Perdana Menteri untuk dicontohi agar peranan agensi ini dalam sektor awam terus kekal relevan dan dihormati.

5. Saya turut dimaklumkan bahawa, pada hari ini, kita akan turut meraikan seramai 133 orang pegawai yang telah dan akan bersara pada tahun 2024. Bagi kesemua 133 orang ini, saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih atas jasa, penat lelah dan bakti yang telah tuan-tuan dan puan-puan curahkan sepanjang perkhidmatan.

PENERAPAN ASPIRASI MALAYSIA MADANI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Para hadirin sekalian,

6. Agenda MADANI yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah untuk mendukung prinsip kesejahteraan, keadilan, saling hormat menghormati, sikap ihsan dan jalinan kerjasama semua rakyat untuk terus berganding bahu membawa Malaysia menjadi sebuah negara yang bertamadun. Ini merupakan usaha dalam mengemudi dan mengangkat semula martabat dan kegembilangan negara di persada dunia.

7. Ikhtiar Malaysia MADANI ini membawa pengertian lebih jauh daripada takrifan kebiasaan. Konsep ini amat penting untuk didalami dan difahami sendiri di setiap peringkat penjawat awam. Ia bukan fahaman politik dan bukan juga slogan semata-mata tetapi perlu diterjemahkan kepada pelbagai usaha murni yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan.

8. Berdasarkan ikhtiar ini, kita perlu menunjukkan komitmen dan kerjasama literasi yang tidak berbelah bahagi untuk menjayakan aspirasi Malaysia MADANI. Perkhidmatan awam perlu menggembung seluruh kekuatan dan tenaga untuk menterjemah kebijakan baharu ini bagi menghadapi cabaran termasuk kemelut ekonomi, demi memastikan visi untuk **Membina Malaysia yang MADANI, Maju dan Sejahtera Menjelang 2030** dapat kita realisasikan.

9. Dalam era teknologi digital ini, kita seharusnya memanfaatkan perkembangan platform digital termasuk AI selaras dengan nilai *technology based*.

10. Ini pastinya boleh membawa kepada penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih baik, membaiki interaksi dengan perniagaan dan industri, memperkasa rakyat melalui akses kepada maklumat atau mengurus dan mentadbir kerajaan dengan lebih cekap dan tepat.

PEMANTAPAN BUDAYA INTEGRITI DAN TADBIR URUS BAIK

Para hadirin sekalian,

11. Pemantapan budaya integriti dan tadbir urus baik merupakan satu aspek yang harus dititikberatkan dalam perkhidmatan.

12. Dalam Perutusan Negara pada 21 Mei 2024 baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah menegaskan bahawa amalan rasuah ini perlu dinuktahkan. Inilah nilai kecemerlangan dan pada masa yang sama negara juga mendapat manfaatnya. Sebagai contoh:

- tender terbuka dalam projek Rancangan Tebatan Banjir mampu menjimatkan wang rakyat sehingga RM 2 billion;
- KPDN melancarkan Ops Tiris bagi membanteras penyeludupan diesel yang selama ini merugikan negara dan penyasarannya semula subsidi diesel dijangkakan dapat menjimatkan sehingga RM 4 bilion yang akhirnya akan dipulangkan kembali kepada rakyat.

13. Sehubungan itu, penyalahgunaan kuasa dan amalan rasuah dalam negara ini perlu dihentikan serta merta sama ada di peringkat tertinggi Kerajaan sehingga ke peringkat terbawah. Kegagalan kita untuk memerangi rasuah akan menyebabkan barah utama yang melemah ekonomi negara serta menjatuhkan moral dan keyakinan rakyat.

14. Selain itu, amalan budaya kesederhanaan dan mengelakkan pembaziran dalam merancang sesuatu program dan semasa menguruskan perbelanjaan organisasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Ekonomi negara pada masa ini berkembang pada kadar 4.2 peratus pada suku pertama tahun 2024 yang disifatkan sebagai pertumbuhan yang sihat walaupun dunia berhadapan dengan situasi ekonomi yang tidak menentu. Namun begitu, saya yakin tuan-tuan dan puan-puan juga sedar tentang kedudukan negara dalam World Competitiveness Ranking 2024 yang dikeluarkan oleh Institute for Management Development (IMD) baru-baru ini meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-34 berbanding kedudukan ke-27 pada tahun lalu.

16. Di sini lah ingin saya tekankan bahawa pihak Kerajaan serius dalam menangani isu integriti dan amalan tata kelola perkhidmatan awam yang baik dan ini secara tidak langsung akan meningkatkan lagi keyakinan pelabur luar terhadap Malaysia.

SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM

Para hadirin sekalian,

17. Seperti kita semua sedia maklum, Perdana Menteri telah umumkan berita baik bahawa penjawat awam bakal menikmati kenaikan gaji sebanyak 15% bermula Disember tahun ini.

18. Sehubungan itu, saya berharap agar berita baik ini akan menjadi pemangkin kepada penjawat awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi kerja ke peringkat lebih tinggi agar sektor perkhidmatan awam ini akan sentiasa dihormati dan dipandang tinggi oleh rakyat dan disegani di peringkat antarabangsa.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

19. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima APC dan PPC pada majlis hari ini. Semoga pengiktirafan ini akan mencetus dan merangsang motivasi tuan-tuan dan puhan-puan untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi.

20. Jabatan Perdana Menteri ini adalah merupakan nadi kepada perkhidmatan awam secara keseluruhannya. Sehubungan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah merupakan antara yang terpilih untuk berada di sini dan memandu perkhidmatan awam secara lebih efisien dan efektif.

21. Saya juga ingin berterima kasih atas jasa dan sumbangaan pesara-pesara tahun 2024 ini. Semoga hubungan anda dengan sektor awam dapat diteruskan dengan berkongsi pengalaman dan kemahiran anda di mana sahaja anda berada dan selamat menikmati alam persaraan bersama keluarga tercinta.

22. Di kesempatan ini juga, tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada seluruh jawatankuasa yang terlibat atas komitmen yang diberikan dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.